

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	6 March 2016

Tindakan Tun M kecewakan rakyat, ahli UMNO

KUALA LUMPUR 5 Mac - Tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad termasuk beberapa tokoh UMNO bersekongkol dengan pembangkang telah mendukacitakan rakyat dan semua ahli UMNO.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Irmohizam Ibrahim berkata, keputusan Dr. Mahathir itu telah menghakis segala penat jerih ahli-ahli UMNO yang pernah memperjuangkan parti sewaktu beliau memegang jawatan sebagai presiden.

"Sangat mengecewakan apabila melihat bekas presiden sendiri telah berpaling tadah sebelum 'perang' Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) bermula. Malah, perlu diingatkan bahawa pelantikan Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Perdana Menteri adalah berasaskan demokrasi dan sah sebagaimana Dr. Mahathir juga pernah melaluinya.



IRMOHIZAM IBRAHIM

"Jadi, tindakan Dr. Mahathir kini dilihat semakin tidak rasional. Berfikiran sama dengan pihak pembangkang dalam menjatuhkan pemimpin negara adalah agenda yang mungkin lebih bersifat



**REEZAL MERICAN NAINA
MERICAN**

Mahathir yang sanggup bersekongkol dengan pembangkang untuk menjatuhkan kepimpinan utama negara sebagai perbuatan yang tidak boleh dimaafkan.

peribadi," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Sementara itu, seorang lagi Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican pula menyifatkan tindakan Dr.

Beliau berkata, pemimpin dan ahli UMNO yang terlibat dalam menandatangani 'Deklarasi Rakyat' seolah-olah lupa akan janji dan sumpah setia mereka kepada parti.

"Apa yang cuba digambarkan sebagai 'gerakan rakyat' adalah sebenarnya politik yang sifar prinsip dan 'Machiavellian' sifatnya.

"Cukup menjengkelkan dan mengecewakan sekali, mereka yang saling 'membenci', hari ini bertemu dan bersetuju, malah berselindung di sebalik nama 'rakyat'. Kepentingan 'rakyat' diguna pakai sebagai pelindung kepada dendam kesumat peribadi.

"Saya cukup yakin, rakyat tidak semudah itu mahu menerima 'watak-watak' kitar semula ini. Saya amat bersetuju, sekiranya parti mengambil tindakan tegas kepada semua yang terlibat menandatangani 'deklarasi Machiavelli' tersebut," katanya.

Um - 6/3/2016